



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

Akta 88

AKTA RAHSIA RASMI 1972

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

DITERBITKAN OLEH
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968
SECARA USAHA SAMA DENGAN
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD
2006

AKTA RAHSIA RASMI 1972

Tarikh Perkenan Diraja 26 September 1972

Tarikh penyiaran dalam *Warta* 30 September 1972

CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU

Cetakan Semula Yang Pertama 1983

Cetakan Semula Yang Kedua 1988

Cetakan Semula Yang Ketiga 1994

Cetakan Semula Yang Keempat 1999

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 88

AKTA RAHSIA RASMI 1972

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Tafsiran
 - 2A. Menambah, memotong atau meminda Jadual
 - 2B. Pelantikan pegawai awam untuk mengelaskan suratan rasmi, dsb.
 - 2C. Pengelasan semula rahsia rasmi oleh Menteri atau pegawai awam
3. Penalti bagi mengintip
4. Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, pemeruman atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan
5. Penalti kerana membuat atau menolong membuat akuan atau pernyataan palsu bagi mendapatkan permit
6. Kuasa khas mahkamah untuk mengarahkan pengeledahan dan penyitaan
7. Larangan membawa perkakas fotografi
 - 7A. Kewajipan melaporkan permintaan bagi maklumat, dll.
 - 7B. Meletakkan diri dalam kepercayaan ejen negara asing
8. Menyampaikan, dsb., rahsia rasmi dengan salah
9. Menggunakan pakaian seragam tanpa kuasa, memalsukan laporan, pemalsuan, penyamardirian dan suratan palsu
10. Mengganggu pegawai polis atau anggota angkatan tentera
11. Kewajipan untuk memberikan maklumat
12. Kuasa bagi menghendaki keputusan dikemukakan
13. Melindungi
14. Percubaan, pengapian, dsb.
15. Sekatan atas pendakwaan

Seksyen

16. Beban pembuktian dan anggapan
- 16A. Perakuan oleh pegawai awam hendaklah menjadi keterangan yang konklusif
17. Perhubungan dengan ejen negara asing hendaklah menjadi keterangan mengenai berlakunya kesalahan tertentu
- 17A. Pembelaan yang tersedia untuk pegawai awam
18. Kuasa untuk menangkap
19. Kuasa bagi menggeledah dan menyita
20. Kuasa khas mengenai penyiasatan
21. Menerima penyataan sebagai keterangan
22. Keterangan rakan sejenayah
23. Pemeriksaan pesalah
24. Perlindungan pemberi maklumat
25. Tanggungan bagi kesalahan di luar Malaysia
26. Perbicaraan kesalahan
27. Orang ramai tidak dibenarkan hadir semasa prosiding
28. Tanggungan jenayah oleh perbadanan atau firma
29. Menteri boleh memberikan kuasa polis kepada orang yang sesuai
30. Kuasa di bawah Kanun Tatacara Jenayah tidak disekat
- 30A. Peraturan-peraturan
31. Pemansuhan

JADUAL

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 88

AKTA RAHSIA RASMI 1972

Suatu Akta bagi menyemak dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan perlindungan rahsia rasmi.

[1 Oktober 1972]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Rahsia Rasmi 1972.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“angkatan tentera” termasuklah—

- (a) sesuatu angkatan tentera tetap atau sukarela Malaysia sama ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia;
- (b) sesuatu angkatan tentera tetap atau sukarela sesuatu negara asing atau sesuatu wilayah luar Malaysia yang ditugaskan pada atau menjalankan gerakan bersama dengan mana-mana angkatan tentera Malaysia sama ada di dalam Malaysia atau di luar Malaysia;
- (c) sesuatu angkatan tentera pelawat mengikut pengertian mana-mana undang-undang yang pada masa itu mengawal selia angkatan tentera pelawat yang ada di Malaysia secara sah di sisi undang-undang;

“bahan” termasuklah apa-apa kelengkapan, alat atau objek;

“benda” termasuklah apa-apa jua barang atau bahan;

“ejen negara asing” termasuklah mana-mana orang yang disyaki, telah disyaki atau dengan munasabahnya disyaki telah diambil kerja oleh suatu negara asing atau mana-mana pertubuhan di dalam atau di luar Malaysia sama ada secara langsung atau secara tidak langsung bagi maksud melakukan sesuatu perbuatan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia, atau yang telah atau dengan munasabahnya disyaki telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, melakukan atau cuba melakukan, sesuatu perbuatan seperti itu bagi kepentingan suatu negara asing;

“jawatan dalam perkhidmatan awam” termasuklah sesuatu jawatan atau pekerjaan dalam atau di bawah sesuatu perkhidmatan awam;

“kelengkapan perang” termasuklah kesemua atau mana-mana bahagian sesebuah kapal, kapal selam, kapal udara, kereta kebal, atau enjin yang seumpamanya, senjata dan peluru, bom, torpedo atau periuk api, yang dimaksudkan atau dipadankan untuk digunakan dalam perang, dan apa-apa barang, bahan, alatan atau alat lain, sama ada yang sebenar atau dicadangkan, yang dimaksudkan untuk digunakan sedemikian;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia atau Kerajaan sesuatu Negeri;

“kesalahan di bawah Akta ini” termasuklah sesuatu perbuatan, peninggalan atau perkara lain yang boleh dihukum di bawah Akta ini;

“negara asing” ertinya sesuatu negara merdeka dan berdaulat dan termasuklah mana-mana tanah jajahan, dominion atau negeri naungan negara itu;

“pegawai awam” ertinya seseorang yang memegang sesuatu jawatan atau pekerjaan dalam atau di bawah sesuatu perkhidmatan awam;

“pegawai polis” termasuklah seseorang yang kepadanya diberi kuasa seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor oleh Menteri di bawah seksyen 29;

“perkakas fotografi” ertinya sesuatu perkakas untuk mengambil atau membuat gambar foto, filem, negatif, pita atau alat lain yang mengandungi satu imej atau lebih yang dapat dilihat supaya boleh (dengan atau tanpa bantuan sesuatu kelengkapan lain) dibuat salinannya dan termasuklah mana-mana bahagian komponen perkakas itu;

“perkhidmatan awam” ertinya—

- (a) mana-mana perkhidmatan awam yang disebut dalam Perkara 132 Perlembagaan termasuk sesuatu Kementerian, sesuatu jabatan Kerajaan, atau sesuatu Mahkamah;
- (b) sesuatu majlis bandar raya, perbandaran, majlis bandaran atau pihak berkuasa tempatan;
- (c) sesuatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang terletak hak padanya menurut undang-undang persekutuan atau Negeri;
- (d) mana-mana orang, tribunal, badan, institusi atau pihak berkuasa yang diisytiharkan oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* sebagai suatu perkhidmatan awam bagi maksud takrif ini; dan
- (e) sekiranya berlaku peperangan, sesuatu jabatan kerajaan bagi sesuatu negeri sekutu Malaysia;

“pihak berkuasa yang berwibawa” ertinya pihak berkuasa yang berwibawa yang dilantik oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* berkenaan dengan mana-mana satu tempat larangan atau lebih atau mana-mana kelas tempat larangan;

“rahsia rasmi” ertinya apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan yang berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad”, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B;

“rasmi” adalah berhubungan dengan perkhidmatan awam;

“suratan” termasuklah, selain sesuatu suratan bertulis dan sebahagian sesuatu suratan—

- (a) sesuatu peta, pelan, model, graf atau lukisan;
- (b) sesuatu gambar foto;
- (c) sesuatu cakera, pita, runut bunyi atau alat lain yang mengandungi suara atau data lain (yang bukan imej yang boleh dilihat) supaya boleh (dengan atau tanpa bantuan sesuatu kelengkapan lain) dibuat salinannya; dan
- (d) sesuatu filem, negatif, pita atau alat lain yang mengandungi satu imej atau lebih yang boleh dilihat supaya boleh (seperti yang tersebut di atas) dibuat salinannya;

“tempat larangan” ertinya—

- (a) sesuatu kerja pertahanan, gudang senjata, tempat tentera laut, tempat tentera darat atau tempat tentera udara, berek, kem atau stesen, kilang, limbungan, padang kapal terbang, lombong, kawasan lombong, kapal atau kapal udara yang dipunyai atau diduduki oleh atau bagi pihak Kerajaan atau sesuatu stesen atau pejabat telegraf, telefon, wayarles atau semboyan yang dipunyai atau diduduki sedemikian, dan sesuatu tempat yang dipunyai atau diduduki oleh atau bagi pihak Kerajaan dan digunakan bagi maksud mendirikan, membaiki, membuat, mencuba, menguji atau menyimpan apa-apa kelengkapan perang, atau apa-apa gambar foto, lukisan, pelan, model atau suratan yang berhubungan dengannya, atau bagi maksud mendapatkan atau menyimpan apa-apa logam, minyak, spirit pengangkutan kejenteraan atau spirit penerbangan atau galian yang berguna dalam masa perang;
- (b) sesuatu tempat yang tidak dipunyai oleh Kerajaan yang mana kelengkapan perang, minyak, spirit pengangkutan kejenteraan, spirit penerbangan, bahan api atau bekalan atau apa-apa suratan yang berhubungan dengannya, sedang dibuat, diperbaiki, didapatkan atau disimpan menurut kontrak dengan Kerajaan atau dengan seseorang bagi pihak Kerajaan, atau menurut apa-apa cara lain bagi pihak Kerajaan;
- (c) sesuatu kem, berek atau tempat di mana orang tawanan perang, anggota angkatan tentera, orang asing tawanan atau orang tahanan ditahan;

- (d) sesuatu tempat yang pada masa itu diisytiharkan oleh Menteri dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* sebagai tempat larangan bagi maksud Akta ini.

(2) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, ungkapan berkenaan dengan—

- (a) menyampaikan, menerima, mendapatkan, menyimpan, mengumpul, merakamkan atau menyiarkan termasuklah apa-apa jua perbuatan menyampaikan, menerima, mendapatkan, menyimpan, mengumpul, merakamkan atau menyiarkan sama ada kesemuanya atau sebahagiannya dan sama ada benda, suratan atau maklumat itu sendiri atau isi, natijah atau perihalnya sahaja disampaikan, diterima, didapatkan, disimpan, dikumpul, dirakamkan atau disiarkan;
- (b) mendapatkan atau menyimpan sesuatu benda atau suratan termasuklah menyalin atau menyebabkan disalin kesemua atau sesuatu bahagian daripada sesuatu benda atau suratan itu; dan
- (c) penyampaian sesuatu benda atau suratan termasuklah pemindahan atau penghantaran, atau penyiaran, kesemua atau mana-mana bahagian sesuatu benda atau suratan.

(3) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan mengenai sesuatu tempat kepunyaan Kerajaan termasuklah sesuatu tempat yang dipunyai atau diduduki oleh mana-mana jabatan Kerajaan, sama ada tempat itu sebenarnya atau tidak sebenarnya terletak hak pada Kerajaan.

Menambah, memotong atau meminda Jadual

2A. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah, memotong atau meminda mana-mana peruntukan Jadual kepada Akta ini.

Pelantikan pegawai awam untuk mengelaskan suratan rasmi, dsb.

2B. Seseorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri boleh melantik mana-mana pegawai awam melalui suatu perakuan di bawah tandatangannya untuk mengelaskan apa-apa

suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagai “Rahsia Besar”, “Rahsia”, “Sulit” atau “Terhad” mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pengelasan semula rahsia rasmi oleh Menteri atau pegawai awam

2c. Seseorang Menteri atau pegawai awam yang dipertanggungjawabkan dengan apa-apa tanggungjawab tentang mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau ketua pegawai yang menjaga hal ehwal pentadbiran sesuatu Negeri boleh, pada bila-bila masa, mengelaskan semula apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual atau apa-apa suratan rasmi, maklumat atau bahan sebagaimana yang telah dikelaskan dan selepas pengelasan semula itu, suratan, maklumat atau bahan tersebut hendaklah terhenti menjadi rahsia rasmi.

Penalti bagi mengintip

3. Jika, bagi apa-apa maksud yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang—

- (a) menghampiri, memeriksa, merentasi atau berada di sekitar atau memasuki sesuatu tempat larangan;
- (b) membuat sesuatu suratan yang dikira menjadi atau yang mungkin atau yang dimaksudkan untuk menjadi berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada sesuatu negara asing;
- (c) mendapatkan, mengumpul, merakamkan, menyiarkan atau menyampaikan kepada seseorang lain sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia, atau apa-apa benda, suratan atau maklumat yang dikira menjadi atau yang mungkin atau yang dimaksudkan untuk menjadi berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada sesuatu negara asing,

orang itu melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan seumur hidup.

Larangan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, pemeruman atau kerja ukur mengenai atau dalam sesuatu tempat larangan

4. (1) Jika seseorang mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, pemeruman atau kerja ukur mengenai atau di dalam sesuatu

tempat larangan, dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi empat belas tahun, melainkan jika dia membuktikan bahawa sesuatu yang diambil atau dibuat sedemikian tidak memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia dan tidak dimaksudkan untuk menjadi berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada sesuatu negara asing.

(2) (a) Tidaklah menjadi suatu kesalahan di bawah subseksyen (1) mengambil atau membuat, di luar sesuatu tempat larangan, sesuatu gambar foto atau lukisan yang mengandungi tempat itu atau sebahagian daripadanya, melainkan jika dibuktikan bahawa gambar foto atau lukisan itu dimaksudkan untuk memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia atau menjadi berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada sesuatu negara asing.

(b) Perenggan (a) tidak terpakai bagi pengambilan atau pembuatan sesuatu gambar foto atau lukisan dari sesuatu kapal udara.

(3) (a) Tidaklah menjadi suatu kesalahan mengambil atau membuat apa-apa suratan, ukuran, pemeruman atau kerja ukur jika pengambilan atau pembuatan itu dilakukan dengan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkuasa yang berwibawa.

(b) Pada memberikan kebenaran bertulis itu, pihak berkuasa yang berwibawa itu boleh mengenakan sebagai suatu syarat bahawa apa-apa jua yang diambil atau dibuat sedemikian mestilah disampaikan dengan segera kepada pihak berkuasa yang berwibawa itu untuk diperiksa. Pihak berkuasa yang berwibawa itu, jika berpuas hati bahawa ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa yang diambil atau dibuat sedemikian mengandungi perkara atau maklumat yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia dan berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada sesuatu negara asing, boleh memerintahkan supaya suratan itu dirampas atau mana-mana bahagian daripadanya dihapuskan, dipadamkan atau dikeluarkan.

Penalti kerana membuat atau menolong membuat akuan atau pernyataan palsu bagi mendapatkan permit

5. Jika seseorang membuat atau menolong membuat sesuatu akuan atau pernyataan yang palsu tentang apa-apa perkara material bagi maksud hendak mendapatkan kebenaran di bawah perenggan 4(3)(a) daripada sesuatu pihak berkuasa yang berwibawa, dia adalah

melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Kuasa khas mahkamah untuk mengarahkan penggeledahan dan penyitaan

6. (1) Jika sesuatu mahkamah berpuas hati bahawa ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa sesuatu surat mengandungi perkara atau maklumat yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia dan berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada sesuatu kuasa asing atau kepada seseorang musuh, mahkamah itu boleh mengeluarkan waran geledah untuk menggeledah dan menyita surat itu walaupun sesuatu kesalahan di bawah Akta ini tidak dikatakan telah dilakukan.

(2) Jika sesuatu surat yang dikehendaki disita di bawah suatu waran geledah yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1) adalah disita sedemikian atau dikemukakan dengan sukarela oleh orang yang memilikinya, surat itu hendaklah dihantar oleh mahkamah itu kepada pihak berkuasa yang berwibawa dan jika pihak berkuasa yang berwibawa itu berpendapat bahawa surat itu mengandungi perkara atau maklumat yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia dan berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada sesuatu kuasa asing atau kepada seseorang musuh, pihak berkuasa yang berwibawa itu boleh memerintahkan supaya surat itu dilucuthakkan, atau apa-apa bahagian daripadanya dihapuskan, dipadamkan atau dikeluarkan.

Larangan membawa perkakas fotografi

7. (1) Jika seseorang yang berada di dalam sesuatu tempat larangan membawa atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya apa-apa perkakas fotografi, melainkan dengan kuasa yang sah atau bagi maksud yang sah, dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau keduanya.

(2) Dalam pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah subseksyen (1) beban membuktikan adanya sesuatu maksud yang sah hendaklah terletak pada yang tertuduh.

(3) Sesuatu perkakas fotografi hendaklah dianggap dibawa dengan kuasa yang sah jika dibawa berhubung dengan perjalanan kewajibannya oleh seseorang pegawai polis atau anggota angkatan tentera yang bertugas menjalankan kewajipan pengawal, peronda keselamatan atau kewajipan lain yang seumpamanya.

(4) Apa-apa perkakas fotografi yang mengenainya sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah dilakukan atau disyaki telah dilakukan boleh disita oleh seseorang pegawai polis atau oleh pihak berkuasa yang berwibawa atau oleh seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya bagi maksud itu oleh pihak berkuasa yang berwibawa itu dan apa-apa gambar foto, plat, negatif filem atau pita atau alat-alat lain dalam atau untuk perkakas itu boleh juga disita dan boleh dikenakan apa-apa proses penyempurnaan sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai polis atau pihak berkuasa yang berwibawa itu sama ada pada amnya atau dalam sesuatu hal yang tertentu.

Kewajipan melaporkan permintaan bagi maklumat, dll.

7A. (1) Seseorang yang dengan apa-apa jua cara dihampiri oleh mana-mana orang lain sama ada secara langsung atau secara tidak langsung bagi mendapatkan untuk atau membekalkan kepada orang lain itu sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia yang—

- (a) berhubung dengan atau digunakan di sesuatu tempat larangan atau yang berhubung dengan apa-apa jua di sesuatu tempat itu;
- (b) berhubung dengan kelengkapan perang dan perkakas, kelengkapan dan jentera lain yang digunakan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia;
- (c) telah dibuat atau didapati bersalahan dengan Akta ini;
- (d) telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam; atau
- (e) telah dibuat atau didapatinya, atau yang dia mempunyai akses kepadanya, disebabkan oleh kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat

bagi pihak Kerajaan, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah diambil kerja oleh atau dengan seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak sedemikian,

selain dalam penjalanan tugasnya, hendaklah dengan serta-merta melaporkan perhubungan itu kepada pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau yang lebih tinggi, dan jika dia ialah seorang pegawai awam adalah mencukupi baginya membuat laporan secara bertulis kepada ketua jabatan pegawai awam itu.

(2) Seseorang yang tidak mematuhi kehendak subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi lima tahun.

Meletakkan diri dalam kepercayaan ejen negara asing

7B. Seseorang yang melakukan apa-apa perbuatan supaya dirinya diletakkan atau mungkin diletakkan dalam kepercayaan mana-mana ejen negara asing melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi lima tahun.

Menyampaikan, dsb., rahsia rasmi dengan salah

8. (1) Jika seseorang yang ada dalam miliknya atau kawalannya sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia yang—

- (a) berhubungan dengan atau digunakan di sesuatu tempat larangan atau yang berhubungan dengan apa-apa jua di sesuatu tempat itu;
- (b) berhubungan dengan kelengkapan perang dan perkakas, kelengkapan dan jentera lain yang digunakan dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia;
- (c) telah dibuat atau didapati bersalahan dengan Akta ini;
- (d) telah diamanahkan sebagai rahsia kepadanya oleh seseorang pegawai awam; atau
- (e) telah dibuat atau didapatinya atau yang dia mempunyai akses kepadanya, disebabkan oleh kedudukannya sebagai seorang yang memegang atau telah memegang jawatan

dalam perkhidmatan awam, atau sebagai seorang yang memegang atau telah memegang suatu kontrak yang dibuat bagi pihak Kerajaan, atau sebagai seorang yang bekerja atau telah diambil, kerja dengan atau di bawah seseorang yang memegang atau telah memegang jawatan atau kontrak itu,

melakukan mana-mana yang berikut—

- (i) menyampaikan secara langsung atau secara tidak langsung sesuatu maklumat atau benda itu kepada sesuatu negara asing selain negara asing yang kepadanya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyampaikannya atau kepada seseorang lain selain orang yang kepadanya diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menyampaikannya atau yang kepadanya dia berkewajipan menyampaikannya;
- (ii) menggunakan sesuatu rahsia rasmi atau benda seperti yang tersebut di atas untuk faedah sesuatu negara asing selain negara asing yang bagi faedahnya dia diberi kuasa dengan sewajarnya untuk menggunakannya atau dengan apa-apa cara lain yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia;
- (iii) menyimpan dalam milik atau kawalannya mana-mana benda seperti yang tersebut di atas apabila dia tidak berhak menyimpannya, atau apabila berlawanan dengan kewajipannya bagi menyimpannya, atau tidak mematuhi segala arahan yang sah yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang sah berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan benda itu; atau
- (iv) tidak menjaga dengan cara yang berpatutan, atau bertingkah laku sehingga membahayakan keselamatan atau kerahsiaan, sesuatu rahsia rasmi atau benda seperti yang tersebut di atas,

orang itu melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

(2) Jika seseorang menerima sesuatu rahsia rasmi atau sesuatu perkataan kod, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia, dengan mengetahui atau ada alasan yang munasabah bagi mempercayai, pada waktu dia menerimanya itu, bahawa rahsia rasmi, perkataan kod, isyarat timbal, atau kata laluan itu disampaikan kepadanya bersalahan

dengan Akta ini, dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun, melainkan jika dia membuktikan bahawa rahsia rasmi, perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan itu telah disampaikan kepadanya dengan tidak dikehendaki olehnya.

Menggunakan pakaian seragam tanpa kuasa, memalsukan laporan, pemalsuan, penyamardirian dan suratan palsu

9. (1) Jika seseorang dapat masuk atau membantu seseorang lain supaya dapat masuk ke suatu tempat larangan selain tempat masuk yang dibenarkan atau bagi maksud mendapat masuk, atau bagi membantu seseorang lain supaya dapat masuk, ke sesuatu tempat larangan, atau bagi apa-apa maksud lain yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia—

- (a) menggunakan atau memakai, tanpa kuasa yang sah, apa-apa pakaian seragam tentera laut, tentera darat, tentera udara, polis atau pakaian seragam rasmi yang lain atau apa-apa pakaian seragam yang hampir serupa dengannya sehingga mungkin memperdayakan, atau dengan palsu mengemukakan dirinya sebagai seorang yang berhak atau telah berhak menggunakan atau memakai mana-mana pakaian seragam itu;
- (b) menggunakan apa-apa samaran atau nama palsu, atau dengan disedarinya menyembunyikan identiti atau bangsanya;
- (c) secara lisan atau dengan bertulis dalam sesuatu akuan atau permohonan, atau dalam sesuatu dokumen yang ditandatangani olehnya atau bagi pihaknya, dengan disedarinya membuat atau membiarkan dibuat sesuatu pernyataan palsu atau sesuatu peninggalan;
- (d) memalsukan, mengubah, mencacatkan, melupuskan atau membinasakan sesuatu pasport atau sesuatu pas, permit, perakuan atau lesen yang rasmi bagi tentera laut, tentera darat, tentera udara atau polis atau dokumen lain yang seumpamanya (kemudian daripada ini dalam seksyen ini disebut “dokumen rasmi”) atau menggunakan atau ada dalam miliknya sesuatu dokumen rasmi yang dipalsukan, diubah atau yang tidak teratur itu;

- (e) menyamar diri, atau dengan palsu mengemukakan dirinya, sebagai seseorang yang memegang jawatan atau yang bekerja dengan seseorang yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam, atau menyamar diri, atau dengan palsu mengemukakan dirinya, sebagai atau sebagai bukan, seorang yang kepadanya telah dikeluarkan atau disampaikan dengan sewajarnya suatu dokumen rasmi atau perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia; atau
- (f) menggunakan, atau ada dalam miliknya atau di bawah kawalannya, tanpa kuasa perkhidmatan awam yang berkenaan, sesuatu anak kunci, lencana, alat, acuan, meterai, cap atau kertas rasmi bagi atau kepunyaan, atau yang digunakan, dibuat atau diadakan oleh sesuatu perkhidmatan awam atau oleh sesuatu pihak berkuasa diplomatik, tentera laut, tentera darat atau tentera udara yang dilantik oleh atau yang bertindak di bawah kuasa Kerajaan, atau apa-apa anak kunci, lencana, alat, acuan, meterai atau cap yang hampir serupa dengan artikel seperti yang tersebut di atas itu sehingga mungkin memperdayakan, atau melancarkan mana-mana artikel seperti yang tersebut di atas itu, atau menggunakan, atau ada dalam miliknya, atau di bawah kawalannya, mana-mana benda lancungan itu,

dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika, bagi apa-apa maksud yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia, seseorang—

- (a) menyimpan sesuatu dokumen rasmi, sama ada atau tidak disempurnakan atau dikeluarkan untuk kegunaan, manakala dia tidak berhak menyimpannya, atau manakala penyimpanannya adalah berlawanan dengan kewajipannya, atau tidak mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh sesuatu perkhidmatan awam atau seseorang yang diberi kuasa oleh perkhidmatan awam itu berkenaan dengan pemulangan atau pelupusan suratan itu;
- (b) membenarkan seseorang lain memiliki sesuatu dokumen rasmi yang dikeluarkan untuk kegunaannya seorang sahaja, atau menyampaikan sesuatu perkataan kod, isyarat timbal

atau kata laluan rasmi yang rahsia yang dikeluarkan sedemikian, atau, tanpa kuasa atau sebab yang sah, ada dalam miliknya sesuatu dokumen rasmi atau perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia yang dikeluarkan bagi kegunaan seseorang selain dirinya sendiri;

- (c) apabila dapat memiliki sesuatu dokumen rasmi sama ada dengan menjumpainya atau selainnya, abai atau tidak memulangkannya kepada orang atau pihak berkuasa yang telah mengeluarkannya atau yang untuk kegunaannya ia telah dikeluarkan, atau kepada Ketua Pegawai Polis;
- (d) tanpa kuasa atau sebab yang sah, membuat atau menjual, atau ada dalam miliknya untuk jualan, sesuatu anak kunci, lencana, alat, acuan, meterai atau cap sedemikian; atau
- (e) dengan niat hendak mendapatkan sesuatu dokumen rasmi, perkataan kod, isyarat timbal atau kata laluan rasmi yang rahsia, sama ada bagi dirinya sendiri atau bagi seseorang lain, dengan diketahuinya membuat sesuatu pernyataan palsu,

dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

Mengganggu pegawai polis atau anggota angkatan tentera

10. Jika seseorang yang berada di dalam atau berdekatan dengan sesuatu tempat larangan, menghalang, mengelirukan atau selainnya mengganggu atau merintangi seseorang pegawai polis atau seseorang anggota angkatan tentera yang menjalankan tugas yang berhubungan dengan tempat larangan itu, dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

Kewajipan untuk memberikan maklumat

11. (1) Jika seseorang ada apa-apa maklumat yang berhubungan dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini dan dia—

- (a) tidak memberikan, apabila diminta, maklumat itu; atau

- (b) tidak hadir pada sesuatu masa dan di tempat yang munasabah untuk memberikan maklumat itu,

apabila dikehendaki berbuat demikian oleh—

- (aa) seseorang pegawai polis yang berpangkat lebih tinggi daripada Inspektor;
- (bb) seseorang anggota angkatan tentera yang bertugas menjalankan kewajipan pengawal, sentri, peronda atau kewajipan lain yang seumpamanya; atau
- (cc) seseorang pegawai awam yang diberi kuasa oleh Menteri,

dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

(2) Sebelum menghendaki seseorang hadir di sesuatu tempat dan pada sesuatu masa itu, pegawai polis atau anggota angkatan tentera itu hendaklah memberinya sejumlah wang yang berpatutan untuk perbelanjaannya.

Kuasa bagi menghendaki perutusan dikemukakan

12. (1) Jika Menteri mendapati suai manfaat, dia boleh dengan waran yang ditandatangani, menghendaki seseorang yang mempunyai atau mengawal sesuatu telekomunikasi, yang digunakan untuk menghantar atau menerima perutusan ke sesuatu tempat atau dari sesuatu tempat di luar Malaysia, mengemukakan kepadanya atau kepada seseorang yang disebut namanya dalam waran itu, naskhah asal dan naskhah salinan bagi apa-apa perutusan yang dihantar daripada atau dialamatkan kepada mana-mana orang atau tempat tertentu, yang dihantar atau diterima dari sesuatu tempat luar Malaysia dengan cara telekomunikasi itu dan segala kertas lain yang berhubungan dengan perutusan itu.

(2) Jika, apabila dikehendaki supaya mengemukakan naskhah asal atau naskhah salinan atau kertas itu, seseorang enggan atau abai berbuat demikian atau mencatatkan atau membinasakannya, dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

(3) Dalam seksyen ini, ungkapan “perutusan” dan “telekomunikasi” mempunyai erti yang sama seperti dalam undang-undang yang berhubungan dengan telekomunikasi yang berkuat kuasa pada masa itu.

Melindungi

13. (1) Jika seseorang yang mengetahui, atau ada alasan yang munasabah bagi mengesyaki, bahawa seseorang lain hampir hendak melakukan atau telah melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini—

- (a) melindungi orang lain itu; atau
- (b) membenarkan orang lain itu bertemu atau berhimpun di mana-mana premis yang didudukinya atau yang ada di bawah kawalannya,

dia melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang dari satu tahun tetapi tidak melebihi tujuh tahun.

(2) Jika seseorang—

- (a) yang telah melindungi atau telah membenarkan pertemuan atau perhimpunan seperti dinyatakan dalam subseksyen (1); dan
- (b) yang ada maklumat di bawah kuasanya berhubung dengan orang itu,

tidak mendedahkan, apabila diminta, maklumat itu kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, dia adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

(3) Dalam seksyen ini “melindung” termasuklah memberi seseorang tempat berlindung, makanan, minuman, wang, pakaian, senjata, peluru atau kenderaan, atau menolong seseorang dengan apa-apa cara bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini.

Percubaan, pengapian, dsb.

14. Jika seseorang—

- (a) cuba melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;

- (b) mengajak atau mengapikan atau berusaha memujuk atau berkomplot dengan seorang lain supaya melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (c) membantu, atau menyubahati atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini,

dia boleh dikenakan hukuman yang sama, dan diambil tindakan dengan cara yang sama, seolah-olah dia telah melakukan kesalahan itu.

Sekatan atas pendakwaan

15. (1) Sesuatu pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan keizinan Pendakwa Raya.

(2) Walaupun keizinan Pendakwa Raya belum didapati, seseorang yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan boleh ditangkap, atau suatu waran bagi menangkap orang itu boleh dikeluarkan dan dilaksanakan. Orang itu boleh ditahan dalam jagaan atau dengan jaminan, tetapi kes itu tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga keizinan itu telah didapati.

(3) Apabila seseorang dibawa ke hadapan mahkamah sebelum Pendakwa Raya mengizinkan pendakwaan, pertuduhan itu hendaklah dihuraikan kepadanya tetapi dia tidak boleh diminta memberikan jawapan atas pertuduhan itu, dan undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa berhubung dengan tatacara jenayah hendaklah diubahsuaikan dengan sewajarnya.

Beban pembuktian dan anggapan

16. Dalam sesuatu pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

(1) Tidaklah perlu ditunjukkan bahawa orang tertuduh itu telah bersalah atas sesuatu perbuatan tertentu yang mungkin menunjukkan sesuatu maksud yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia;

(2) Walaupun tiada apa-apa perbuatan sebagaimana yang dinyatakan dalam subseksyen (1) dibuktikan terhadapnya, orang tertuduh itu boleh disabitkan jika, dari hal keadaan kes itu, kelakuannya atau wataknya yang diketahui sebagaimana yang dibuktikan didapati bahawa maksudnya ialah suatu maksud yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia; dan

(3) Jika sesuatu dokumen, artikel atau maklumat yang berhubungan dengan atau digunakan di sesuatu tempat larangan atau apa-apa jua di tempat itu, atau apa-apa perkataan kod, isyarat timbal, atau kata laluan rasmi yang rahsia adalah dibuat, didapatkan, dikumpul, direkodkan, disiarkan atau disampaikan oleh seseorang selain seseorang yang bertindak di bawah kuasa yang sah, ia hendaklah dianggap sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah dibuat, didapatkan, dikumpul, direkodkan, disiarkan atau disampaikan bagi suatu maksud yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia.

Perakuan oleh pegawai awam hendaklah menjadi keterangan yang konklusif

16A. Suatu perakuan oleh seseorang Menteri atau seseorang pegawai awam yang dipertanggungjawabkan dengan apa-apa tanggungjawab berkenaan dengan mana-mana Kementerian, jabatan atau mana-mana perkhidmatan awam atau Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu Negeri atau oleh ketua pegawai yang menjaga hal ehwal pentadbiran sesuatu Negeri yang memperakui sesuatu dokumen rasmi, maklumat atau bahan dengan menyatakan bahawa ia suatu rahsia rasmi hendaklah menjadi keterangan yang konklusif bahawa dokumen, maklumat atau bahan itu ialah suatu rahsia rasmi dan tidaklah boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas apa-apa jua alasan.

Perhubungan dengan ejen negara asing hendaklah menjadi keterangan mengenai berlakunya kesalahan tertentu

17. (1) Dalam sesuatu pendakwaan bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, kenyataan bahawa seseorang telah berhubung dengan, atau cuba untuk berhubung dengan, seseorang ejen negara asing, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, hendaklah menjadi keterangan bahawa seseorang itu telah, bagi suatu maksud yang memudaratkan keselamatan atau kepentingan Malaysia, mendapatkan atau cuba untuk mendapatkan atau untuk menyampaikan maklumat yang mungkin atau boleh jadi dikira atau dikira menjadi atau dimaksudkan untuk menjadi berguna secara langsung atau secara tidak langsung kepada kuasa asing atau kepada seseorang musuh.

(2) Bagi maksud seksyen ini, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang di atas—

(a) seseorang hendaklah, melainkan jika dia membuktikan sebaliknya, dianggap telah berhubung dengan seorang ejen negara asing jika—

(i) dia telah, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, melawati alamat seorang ejen negara asing atau berkawan atau bersekutu dengan seorang ejen negara asing; atau

(ii) sama ada, di dalam atau di luar Malaysia, nama atau alamat, atau apa-apa maklumat lain berkenaan dengan seseorang ejen negara asing telah dijumpai dalam milik atau kawalannya atau telah diberikan olehnya kepada seseorang lain, atau telah didapati olehnya daripada seseorang lain;

(b) (*Dipotong oleh Akta A573*);

(c) sesuatu alamat, sama ada di dalam atau di luar Malaysia, yang dengan munasabahnya disyaki sebagai alamat yang digunakan untuk menerima perhubungan yang dimaksudkan bagi seseorang ejen negara asing, atau alamat tempat seseorang ejen negara asing tinggal, atau tempat dia pergi bagi maksud memberikan atau menerima perhubungan, atau tempat dia menjalankan apa-apa urusan, hendaklah disifatkan sebagai alamat seseorang ejen negara asing, dan perhubungan yang dialamatkan ke alamat itu sebagai perhubungan dengan seseorang ejen negara asing.

Pembelaan yang tersedia untuk pegawai awam

17A. Mana-mana orang yang dipertuduh dengan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini tidaklah boleh disabitkan jika dia membuktikan bahawa dia melakukan mana-mana perkara itu dalam menjalankan tugas rasminya atau dengan kuasa yang sepatutnya.

Kuasa untuk menangkap

18. (1) Jika seseorang didapati melakukan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau disyaki dengan munasabah telah melakukan, atau telah cuba melakukan, atau hampir hendak melakukan, sesuatu kesalahan itu, dia boleh ditangkap tanpa waran.

(2) Tanpa menghadkan keluasan subseksyen (1), jika seseorang di dalam sesuatu tempat larangan didapati melakukan atau disyaki melakukan perbuatan yang bersalahan dengan Akta ini, dia boleh ditangkap dengan atau tanpa waran oleh seseorang pegawai polis atau seseorang anggota angkatan tentera dan hendaklah dibawa dengan serta-merta ke hadapan seorang Majistret untuk diambil tindakan terhadapnya mengikut undang-undang.

Kuasa bagi menggeledah dan menyita

19. (1) Apabila didapati oleh seseorang Majistret daripada maklumat dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu bahawa ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa di sesuatu tempat ada sesuatu keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dia boleh, dengan waran yang diarahkan kepada seseorang pegawai polis memberikan kuasa kepada pegawai itu untuk memasuki tempat itu, dengan kekerasan jika perlu, dan di situ menggeledah, menyita dan menahan sesuatu keterangan sedemikian.

(2) Apabila didapati oleh seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor bahawa ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa di sesuatu tempat ada disembunyikan atau disimpan sesuatu keterangan mengenai pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, atau mengenai pelakuan sesuatu kesalahan yang ditetapkan, dan pegawai polis itu ada alasan yang munasabah bagi mempercayai bahawa kerana kelewatan bagi mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin kecewa, dia boleh menjalankan di tempat itu dan berkenaan dengan tempat itu segala kuasa yang disebut dalam subseksyen (1) dengan langkah yang sepenuh dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian dengan waran yang dikeluarkan di bawah subseksyen itu.

Kuasa khas mengenai penyiasatan

20. (1) Walau apa pun yang terkandung dalam mana-mana undang-undang yang lain, Pendakwa Raya, jika berpuas hati bahawa ada alasan yang munasabah bagi mengesyaki bahawa sesuatu kesalahan di bawah Akta ini telah atau hampir hendak dilakukan oleh seseorang, boleh dengan perintah memberi kuasa kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Penguasa yang disebut namanya dalam perintah itu membuat suatu siasatan mengenai perkara itu mengikut apa-apa cara atau kaedah yang

dinyatakan dalam perintah itu. Perintah itu boleh membenarkan disiasat sesuatu akaun bank atau sesuatu akaun lain atau sesuatu artikel atau sesuatu suratan yang mungkin ada pada seseorang atau di sesuatu tempat dan hendaklah menjadi kuasa yang cukup untuk seseorang mendedahkan atau mengemukakan segala atau sesuatu maklumat atau akaun atau artikel atau dokumen yang dikehendaki oleh pegawai yang diberi kuasa sedemikian.

(2) Seseorang yang tidak atau enggan mendedahkan maklumat itu atau tidak atau enggan mengemukakan akaun atau artikel atau dokumen itu kepada orang yang diberi kuasa sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(3) Sesuatu pemberian kuasa kepada seseorang pegawai polis di bawah subseksyen (1) untuk menyiasat sesuatu akaun bank hendaklah disifatkan sebagai termasuk sesuatu pemberian kuasa untuk memeriksa sesuatu buku jurubank yang difikirkan berkaitan oleh pegawai polis yang diberi kuasa sedemikian, dan pegawai polis itu boleh, pada setiap masa yang munasabah, memasuki bank yang dinyatakan dalam perintah itu dan memeriksa mana-mana buku yang disimpan di dalamnya dan boleh mengambil salinan bagi mana-mana catatan yang berkaitan dalam mana-mana buku itu.

(4) Bagi maksud seksyen ini—

“bank” termasuklah—

- (a) mana-mana bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 [Akta 372];
- (b) mana-mana syarikat kerjasama yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan syarikat kerjasama;
- (c) Bank Simpanan Nasional;
- (d) mana-mana syarikat kewangan yang didaftarkan di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989; dan

“buku jurubank” termasuklah lejar, buku harian, buku wang tunai, buku akaun dan semua buku dan suratan lain yang digunakan dalam urusan biasa bank.

Menerima pernyataan sebagai keterangan

21. (1) Jika seseorang dipertuduh atas suatu kesalahan terhadap Akta ini apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak atau sama ada secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada dalam masa polis menjalankan penyiasatan atau tidak dan sama ada atau tidak kesemuanya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh orang itu kepada atau dengan didengar oleh seseorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor atau lebih tinggi dan sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh seseorang pegawai polis yang lain atau oleh seseorang lain sama ada berkenaan atau tidak dalam penangkapan itu, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis dan, jika orang itu mengemukakan dirinya sebagai seorang saksi, sesuatu pernyataan sedemikian boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada sesuatu pernyataan itu boleh diterima sebagai keterangan atau digunakan—

- (a) jika mahkamah berpendapat bahawa pembuatan pernyataan itu telah disebabkan oleh sesuatu dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan itu terhadap orang itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat mahkamah untuk memberi orang yang dipertuduh itu alasan yang pada pendapatnya munasabah bagi menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan memperoleh sesuatu faedah atau mengelakkan sesuatu durjana keduniaan yang berhubungan dengan prosiding terhadapnya itu; atau
- (b) mengenai sesuatu pernyataan yang dibuat oleh orang itu selepas penangkapannya, melainkan jika mahkamah berpuas hati bahawa suatu amaran telah diberikan kepadanya dengan perkataan yang berikut atau dengan perkataan yang serupa maksudnya:

“Adalah menjadi kewajipan saya untuk memberikan amaran kepada kamu bahawa kamu tidak diwajibkan menyatakan apa-apa jua atau menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa jua yang kamu nyatakan, sama ada bagi menjawab sesuatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan.”.

(3) Sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang sebelum amaran itu sempat diberikan kepadanya tidak boleh dijadikan tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata oleh sebab amaran itu tidak diberikan jika amaran itu telah diberikan dengan seberapa segera yang mungkin.

(4) Walau apa pun yang berlawanan yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dipertuduh atas suatu kesalahan yang baginya subseksyen (1) terpakai tidaklah terikat untuk menjawab apa-apa soalan yang berhubungan dengan kes itu selepas amaran itu diberikan kepadanya.

(5) Seksyen ini hendaklah terpakai berhubung dengan seseorang yang dibicarakan selepas permulaan kuat kuasa Akta ini, sama ada atau tidak prosiding terhadap orang itu telah dimulakan dan sama ada atau tidak pernyataan yang berkaitan itu telah dibuat sebelum permulaan kuat kuasa itu.

Keterangan rakan sejenayah

22. Walau apa pun rukun undang-undang atau undang-undang bertulis yang berlawanan, tiada seseorang saksi boleh, dalam sesuatu perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, dianggap sebagai tidak boleh dipercayai kebenarannya semata-mata oleh sebab dia ialah seorang rakan sejenayah berhubung dengan kesalahan itu.

Pemeriksaan pesalah

23. (1) Apabila dua orang atau lebih dipertuduh atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah boleh menghendaki seorang atau lebih daripada mereka memberikan keterangan sebagai seorang saksi untuk pihak pendakwa.

(2) Seseorang yang disebut dalam subseksyen (1) yang enggan mengangkat sumpah atau menjawab apa-apa soalan yang sah hendaklah diambil tindakan terhadapnya dengan cara yang sama seperti saksi yang enggan sedemikian boleh diambil tindakan undang-undang terhadapnya oleh mahkamah.

(3) Tiap-tiap orang yang dikehendaki memberikan keterangan di bawah subseksyen (1) dan yang pada pendapat mahkamah membuat penzahiran yang benar dan penuh mengenai semua perkara yang mengenainya dia diperiksa dengan sah, adalah berhak menerima

suatu perakuan perlindungan daripada mahkamah itu, yang dimeteraikan oleh mahkamah itu, yang menyatakan bahawa dia telah membuat penzahiran yang benar dan penuh mengenai semua perkara yang mengenainya dia telah diperiksa, dan perakuan itu hendaklah menjadi suatu penghalang terhadap segala tindakan undang-undang terhadapnya mengenai semua perkara itu.

Perlindungan pemberi maklumat

24. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini, tiada sesuatu aduan mengenai sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana jua prosiding sivil atau jenayah, dan tiada saksi boleh diwajibkan atau dibenarkan mendedahkan nama atau alamat seseorang pemberi maklumat, atau menyatakan apa-apa perkara yang mungkin menyebabkan dia diketahui.

(2) Jika sesuatu dokumen yang menjadi keterangan atau yang boleh diperiksa dalam apa-apa jua prosiding sivil atau jenayah mengandungi sesuatu catatan yang dalamnya seseorang pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin menyebabkan dia diketahui, mahkamah yang di hadapannya prosiding itu diadakan hendaklah menyebabkan supaya semua perenggan sedemikian ditutup daripada penglihatan atau dipadamkan hanya setakat yang perlu untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui, tetapi tidak lebih daripada itu.

(3) Jika dalam sesuatu prosiding yang berhubungan dengan sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau sesuatu kesalahan yang ditetapkan mahkamah berpendapat, selepas siasatan penuh berkenaan dengan kes itu, bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam aduannya suatu pernyataan matan yang dia tahu atau percaya adalah palsu atau yang dia tidak percaya adalah benar, atau berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya antara pihak dalam prosiding itu tanpa mengetahui pemberi maklumat itu, mahkamah boleh menghendaki supaya aduan yang asal, jika bertulis, dikemukakan, dan membenarkan siasatan, dan mengkehendaki pendedahan sepenuhnya mengenai pemberi maklumat itu.

Tanggungan bagi kesalahan di luar Malaysia

25. (1) Peruntukan Akta ini, berhubung dengan warganegara, pemastautin tetap Malaysia dan orang (sama ada warganegara atau tidak) yang memegang atau telah pada bila-bila masa memegang jawatan dalam sesuatu perkhidmatan awam hendaklah berkuat kuasa di luar dan juga di dalam Malaysia; dan apabila sesuatu kesalahan di bawah Akta ini dilakukan di mana-mana tempat di luar Malaysia oleh seseorang warganegara, pemastautin tetap atau oleh seseorang (sama ada warganegara atau tidak) yang memegang atau telah pada bila-bila masa memegang jawatan dalam sesuatu perkhidmatan awam, maka bolehlah diambil tindakan terhadapnya mengenai kesalahan itu seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan di sesuatu tempat di dalam Malaysia yang dia boleh dijumpai.

(2) Apa-apa prosiding terhadap seseorang di bawah seksyen ini yang akan menjadi penghalang terhadap prosiding yang kemudian terhadap orang itu bagi kesalahan yang sama jika kesalahan itu telah dilakukan di Malaysia hendaklah menjadi suatu penghalang terhadap prosiding selanjutnya terhadap orang itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia yang berhubungan dengan ekstradisi atau penyerahan penjenayah buruan.

Perbicaraan kesalahan

26. Bagi maksud perbicaraan seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, kesalahan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan sama ada di tempat kesalahan itu sebenarnya telah dilakukan, atau di sesuatu tempat di Malaysia yang pesalah itu boleh dijumpai.

Orang ramai tidak dibenarkan hadir semasa prosiding

27. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan apa-apa kuasa yang ada pada mahkamah untuk memerintahkan supaya orang ramai tidak dibenarkan hadir dalam mana-mana prosiding, jika semasa prosiding di hadapan mahkamah terhadap seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau semasa prosiding atas rayuan, atau semasa perbicaraan mengenai seseorang bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini, permohonan dibuat oleh pihak pendakwa, atas alasan bahawa penyiaran apa-apa keterangan yang akan diberikan atau penyiaran apa-apa kenyataan yang akan dibuat dalam masa prosiding itu akan memudaratkan keselamatan Malaysia, supaya kesemua atau mana-mana golongan orang ramai

tidak dibenarkan hadir semasa mana-mana bahagian pendengaran itu, mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi maksud itu, tetapi walau bagaimanapun penjatuhan hukuman hendaklah dilakukan di hadapan khalayak ramai.

Tanggungan jenayah oleh perbadanan atau firma

28. Jika orang yang bersalah atas sesuatu kesalahan di bawah Akta ini ialah suatu syarikat atau perbadanan atau seorang anggota atau pekhidmat bagi sesuatu perkongsian atau firma, tiap-tiap pengarah dan pegawai bagi syarikat atau perbadanan itu atau tiap-tiap anggota bagi perkongsian atau firma itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah bersalah atas kesalahan itu juga melainkan jika dia membuktikan bahawa perbuatan atau peninggalan yang menjadi kesalahan itu telah berlaku tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan apa-apa usaha untuk mencegah berlakunya kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya dijalankan olehnya dengan mengambil kira jenis fungsinya dan segala hal keadaan lain.

Menteri boleh memberikan kuasa polis kepada orang yang sesuai

29. Menteri boleh memberi seseorang yang difikirkannya patut dan sesuai kuasa pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor bagi maksud Akta ini.

Kuasa di bawah Kanun Tatacara Jenayah tidak disekat

30. Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menyekat apa-apa kuasa yang diberikan oleh Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593].

Peraturan-peraturan

30A. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk melaksanakan maksud Akta ini dan, tanpa menjejaskan keluasan perkataan yang di atas, boleh—

- (a) menetapkan cara mengelaskan maklumat, dokumen dan bahan lain;
- (b) menetapkan tatacara bagi pengendalian, penyimpanan dan penghantaran dokumen rasmi dan maklumat lain;

- (c) menetapkan cara melupuskan dokumen rasmi yang dibuang;
- (d) menetapkan cara penyampaian maklumat rasmi;
- (e) menetapkan semua perkara lain yang perlu bagi melindungi keselamatan atau kerahsiaan apa-apa maklumat atau benda;
- (f) membuat peruntukan mengenai kesalahan dan penalti yang tidak melebihi denda sebanyak lima ribu ringgit atau pemenjaraan tidak melebihi satu tahun kerana melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan; dan
- (g) membuat peruntukan mengenai hal mengkompaunkan mana-mana kesalahan seperti itu.

Pemansuhan

31. (1) Ordinan Rahsia Rasmi 1950 Negeri-Negeri Tanah Melayu [*P.T.M.15 tahun 1950*] dan Ordinan Rahsia Rasmi Sabah [*Bab. 90*] dimansuhkan.

(2) Akta Rahsia Rasmi 1911 [*1 dan 2 Geo. 5. c. 28*] dan Akta Rahsia Rasmi 1920 [*10 dan 11 Geo. 5. c. 75*], kedua-duanya bagi United Kingdom, setakat yang Akta itu berkuat kuasa di Sarawak atau di mana-mana bahagian lain di Malaysia, dengan atau tanpa ubahsuaian, dimansuhkan.

JADUAL

[Seksyen 2A]

Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Jemaah Menteri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Jemaah Menteri;

Dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri termasuk dokumen, rekod keputusan dan penimbangtelitian jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;

Dokumen berkenaan dengan keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 88

AKTA RAHSIA RASMI 1972

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 6	Akta Syarikat Kewangan 1969	01-06-1969
Akta 102	Akta Bank 1973	15-04-1973
Akta 146	Akta Bank Simpanan Nasional	01-12-1974
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
Akta A324	Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Peluasan) 1976	10-01-1976
Akta A454	Akta Bank dan Syarikat Meminjam (Pindaan) 1979	02-03-1979 kecuali s.5: 15-04-1973
Akta A573	Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1984	20-01-1984
Akta A660	Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986	01-01-1987
Akta 372	Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989	01-10-1989

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 88****AKTA RAHSIA RASMI 1972****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2	Akta A573 Akta A660	20-01-1984 01-01-1987
2A-2C	Akta A660	01-01-1987
3	Akta A573	20-01-1984
7A-7B	Akta A573 Akta A660	20-01-1984 01-01-1987
8	Akta A573 Akta A660	20-01-1984 01-01-1987
9	Akta A660	01-01-1987
11	Akta A573 Akta A660	20-01-1984 01-01-1987
12	Akta A660	01-01-1987
13	Akta A660	01-01-1987
16A	Akta A660	01-01-1987
17	Akta A573	20-01-1984
17A	Akta A660	01-01-1987
30A	Akta A573	20-01-1984
Jadual	Akta A660	01-01-1987
